



Berita STATS

www.statistics.gov.my | Edisi : Jan-Jun 2016 | Bil. 1/2016 | No. ISSN : 0128 8563



Majlis Sekalung Budi YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar bersama Warga Jabatan Perangkaan Malaysia

Berita penuh di ms 16

ms 06

Memorandum
Persefahaman
bersama UPM

ms 07

Memorandum
Persefahaman bersama
POS Malaysia

ms 08

Pelancaran BANCI
EKONOMI 2016

Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan
Ketua Perangkawan Malaysia

Ketua Pengarang

Tuan Haji Ismail Yusoff
Timbalan Ketua Perangkawan
(Program Ekonomi)

Penolong Ketua Pengarang

Puan Rafliza Ramli
Pengarah Bahagian Korporat dan Khidmat
Pengguna

Pengarang

Puan Norhashimah Haron (BMP)
Encik Khairelnizam Hassan (BKKP)

Encik Hamzah Ismail (BKD)

Encik Azmi Ali (Unit Integriti)

Puan Ho Mei Kei (BKKP)

Puan Nur Adnin Mohd Jamall @ Kamar (BKKP)

Cik Suraiya Busron (BPHPP)

Puan Yanti Suzana Baharum (BKP)

Puan Zulina Jusoh (BKKP)

Puan Siti Iesnorhana Ibarahim (BKKP)

Setiausaha

Puan Nur Adnin Mohd Jamal @ Kamar (BKKP)

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya.

TEL: 03-8885 7000
FAKS: 03-8888 9248

E-MAIL: jpkkp@stats.gov.my
PORTAL: www.statistics.gov.my

Bil. 1 / Edisi 2016

KANDUNGAN

Januari-Jun 2016

- | | |
|---|--|
| <p>03 Perutusan Ketua Perangkawan</p> <p>04 Tinta Pengarang</p> <p>05 Perhimpunan Awal Tahun 2016</p> <p>06 Memorandum Persefahaman bersama POS Malaysia</p> <p>07 Memorandum Persefahaman bersama Universiti Putra Malaysia</p> <p>08 Pelancaran BANCI EKONOMI 2016</p> <p>09 Sesi Interaktif bersama Responden</p> <p>10 Kick Start Your Data Journey: Big Data Analytics</p> <p>11 Pelancaran StatsDW</p> <p>12 Bicara Eksekutif PPJPM</p> <p>13 Sesi Perangkawan bersama YB Dato' Sri Abdul Wahid Omar</p> <p>14 Statistics Talk 2016 bersama pelajar Universiti</p> <p>15 • PocketTalk dan Pameran di SMIDEX 2016
• Persijilan EKSA</p> | <p>16 Majlis Sekalung Budi YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar bersama Warga Jabatan Perangkaan Malaysia</p> <p>17 Majlis Silatulrahim & Pengimaranan Ramadhan Al-Kareem 2016/1437H</p> <p>18 Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Peringkat Jabatan Tahun 2016</p> <p>19 BizCode@Stats ke Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2015</p> <p>20 Kunjungan Hormat<ul style="list-style-type: none">• United Nations Children's (UNICEF)• RAM Holding Berhad• University of Singapore• World Bank Group</p> <p>22 Lawatan Akademik</p> <p>23 Lawatan Kerja ke the Star</p> <p>24 • Kejohanan Badminton MAKSWIP (Peringkat Wilayah Persekutuan) 2016</p> <p>• Kejohanan Ping Pong antara Bahagian 2016</p> <p>• Kejohanan Sepak Takraw antara Bahagian 2016</p> |
|---|--|



PERUTUSAN

KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Statistik.**

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izinNya kita dapat bertemu lagi dalam Berita Stats keluaran pertama bagi tahun 2016. Terima kasih saya nukilkan kepada Sidang Redaksi yang telah berusaha untuk menerbitkan Berita Stats pada kali ini.

Pada tahun 2015, DOSM terus unggul dengan mengeluarkan beberapa produk baharu sebagai input kepada *stakeholder* bagi membantu mereka dalam penggubalan polisi kerajaan. Antaranya ialah Indeks Perkhidmatan suku tahunan yang mula diterbitkan kepada umum pada 12 Mei 2015 dan *International Investment Position* suku tahunan yang diterbitkan kepada umum mulai 29 Mei 2015. Di samping itu, *Statistics of Foreign Direct Investment in Malaysia* telah diterbitkan kepada umum pada 30 Oktober 2015. Komitmen ini merupakan hasil usaha bersama seluruh warga bagi memastikan fungsi DOSM kekal signifikan kepada negara.

Pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) telah diperkenalkan oleh kerajaan sebagai satu pendekatan kreatif baharu untuk memaksimumkan penggunaan sumber data sedia ada di pelbagai kementerian atau agensi yang terlibat. DOSM menyambut baik strategi ini dengan terus melaksanakan jalinan pintar bersama agensi kerajaan mahu pun swasta lain dalam usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian. Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Putra Malaysia telah dimeterai pada 22 Februari 2016 manakala Majlis menandatangani MoU bersama Pos Malaysia telah diadakan pada 15 Mac 2016.

Pada tahun 2016, DOSM melaksanakan dua aktiviti besar iaitu Banci Ekonomi (BE) mulai April 2016 hingga Disember 2016 dan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) mulai Mei 2016 hingga April 2017. Objektif utama BE adalah untuk mengenal pasti punca pertumbuhan baru kepada ekonomi di samping menyokong polisi baharu kerajaan berdasarkan teras RMKe-11 dan mengukur keberkesanan program pembangunan. Sementara itu, objektif utama HIES ialah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan dan perbelanjaan penggunaan isi rumah. Maklumat perbelanjaan isi rumah ke atas pelbagai jenis barang dan perkhidmatan akan digunakan untuk mengemas kini wajaran Indeks Harga Pengguna.

Dengan ini jelas dapat dilihat bahawa tugas kita di DOSM ini tidak pernah surut mahu pun menyusut. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada semua warga DOSM yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan gigih dan cemerlang. Diharapkan segala perancangan dan iltizam kita dalam menempuh tahun 2016 yang lebih mencabar ini dipermudahkan.

Akhir kalam, saya dan warga Jabatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Abdul Wahid Omar (kini Tan Sri) mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di atas sumbangan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada Jabatan. Beliau sentiasa bersama dengan warga Jabatan sama ada dalam aktiviti rasmi mahu pun program berbentuk sosial. Di samping itu, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBrs. Tuan Haji Ismail Yusoff, Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi) selaku Ketua Pengarang bagi Berita Stats untuk 18 keluaran. Semoga usaha dan jasa beliau akan dihitung sebagai ibadah kepadaNya. InshaAllah.

Sekian, wassalam.

TINTA PENGARANG

**TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN
PROGRAM EKONOMI**

YBrs. Tuan Hj. Ismail Yusoff



***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Statistik.***

Syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas kurniaaNya, sekali lagi kita bersua di Berita Stats keluaran 1/2016. Buletin pada edisi ini dimuatkan dengan pelbagai aktiviti dan program yang telah diadakan sepanjang Januari hingga Jun 2016. Setengah tahun telah berlalu, Jabatan terus memikul tanggungjawab dan cabaran untuk melaksanakan serta menjayakan pelbagai aktiviti atau program yang dirancang bagi tahun ini.

Pada tahun ini, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Banci Ekonomi 2016 dan Penyasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Ibu Rumah 2016/2017 mulai April sehingga hujung tahun. Majlis Pelancaran projek Banci Ekonomi 2016 peringkat Kebangsaan telah berjaya dilaksanakan di Dewan MITI, Kuala Lumpur pada 4 Mei 2016. Di samping itu, sesi interaktif bersama komuniti/responden yang diadakan di setiap negeri mendapat sambutan yang memberangsangkan.

Dalam bulan Jun yang lalu, kita semua merasa sedih kerana YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar (kini Tan Sri) telah meninggalkan portfolionya sebagai senator di Jabatan Perdana Menteri. Jabatan telah menganjurkan majlis sekalung budi bersama Senator Dato' Sri dan beliau sempat

berkongsi ilmu dan pengalaman sepanjang menjawat jawatan Menteri kepada warga Jabatan. Semoga perkongsian ilmu tersebut memberi manfaat dan rangsangan kepada kita semua untuk terus maju ke hadapan.

Warga Jabatan sekalian,

Berita Stats keluaran 1/2016 merupakan siri akhir untuk saya selaku Ketua Pengarang setelah 9 tahun (18 keluaran) memegang jawatan ini sejak keluaran 2/2007. Saya secara peribadi ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada warga Jabatan yang telah memberikan kerjasama melalui sumbangan artikel, idea mahu pun tenaga bagi setiap keluaran. Saya berharap supaya Berita Stats ini akan terus signifikan sebagai wadah utama dalam menyampaikan maklumat berkenaan aktiviti Jabatan kepada warga khususnya dan masyarakat secara amnya.

Akhir kata, saya berdoa supaya Jabatan terus unggul di arena statistik antarabangsa selaras dengan visi dan misi yang telah ditetapkan. Semoga semua perancangan aktiviti dan program dapat dilaksanakan dengan jayanya selari dengan Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020.

Salam hormat.

“The ones who are crazy enough to think that they can change the world, are the ones who do”



PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2016

Putrajaya, 16 Januari 2016 - Majlis Perhimpunan Awal Tahun 2016 bersama Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan telah diadakan dengan jayanya pada 16 Januari 2016 bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Majlis yang menghimpunkan sebahagian warga ibu pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) ini diadakan bersempena menyambut kedatangan tahun baru 2016 dan juga untuk meraikan pencapaian keseluruhan yang telah dicapai oleh Jabatan bagi tahun 2015.

Di dalam majlis ini, Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan telah menyampaikan amanat melalui ucapannya dan pelaksanaan Pelan Tranformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020 yang menggariskan hala tuju dan komitmen Jabatan bagi tempoh enam tahun. Beliau turut mengumumkan bahawa DOSM akan menjalankan dua aktiviti besar pada tahun 2016 iaitu Banci Ekonomi (BE) mulai April 2016 hingga Disember 2016 dan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) mulai Mei 2016 hingga April 2017.

Beliau menyeru kepada semua warga DOSM agar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi dan meneruskan kecemerlangan pada tahun 2016 ini. Beliau amat berharap agar segala cabaran mendatang dapat dihadapi dengan ketabahan dan keyakinan bagi memastikan setiap produk dan perkhidmatan yang telah dirancang dapat dikeluarkan dengan jayanya.

Majlis yang berlangsung selama satu jam ini dapat ditonton secara langsung oleh semua warga DOSM di seluruh negara melalui siaran *live streaming*.





MoU BERSAMA POS MALAYSIA

Putrajaya, 15 Mac 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) telah menjalankan kerjasama strategik melalui memorandum persefahaman untuk perkongsian maklumat perangkaan bagi pembangunan alamat tempat kediaman yang komprehensif dan berdasarkan praktis antarabangsa.

Satu majlis menandatangani MoU antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pos Malaysia telah diadakan pada 15 Mac 2016, di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia Berhad, YBhg. Dato' Mohd Shukrie Mohd Salleh dengan disaksikan oleh pegawai kanan kedua-dua agensi tersebut.

Pelaksanaan MoU dilihat dapat mewujudkan sinergi yang berasaskan Strategi Lautan Biru Kebangsaan untuk pembangunan maklumat perangkaan bagi manfaat kedua-dua agensi. Antara bidang kerjasama yang dipersetujui ialah Jabatan Perangkaan akan membekalkan senarai alamat dan maklumat berkenaan pembangunan baru mengikut kawasan bagi memudahkan urusan penghantaran dokumen oleh Pos Malaysia. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan Pos Malaysia di samping membantu Jabatan Perangkaan mempromosikan aktiviti yang dilaksanakan (banci/penyiasatan isi rumah).

MoU yang dimeterai ini akan membantu Jabatan Perangkaan khususnya dalam pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan 2020. Pos Malaysia akan membekalkan maklumat berkaitan tempat kediaman bagi membantu Jabatan Perangkaan menjayakan banci tersebut. Dianggarkan jumlah penduduk Malaysia sebanyak 32.4 juta orang pada tahun 2020 dan jumlah tempat kediaman dijangka akan mencecah 9 juta berbanding 7.3 juta pada tahun 2010. Oleh itu, struktur alamat yang lengkap serta bersesuaian dengan piawaian antarabangsa amat diperlukan bagi memastikan aktiviti modenisasi pengumpulan data dapat direalisasikan dengan lebih berkesan.

Di samping itu, MoU ini juga dapat memperkuatkan jalinan kerjasama DOSM dan Pos Malaysia ke arah usahasama untuk membangun dan memantapkan maklumat perangkaan bagi pembangunan negara.





MoU BERSAMA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Serdang, 22 Februari 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjalankan kerjasama strategik melalui memorandum persefahaman untuk menghasilkan pengetahuan baru yang relevan melalui aktiviti kajian ilmiah.

Satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia telah diadakan pada 22 Februari 2016, di Bangunan Canselor Putra, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan dan Naib Canselor UPM, YBhg. Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dengan disaksikan oleh pegawai kanan kedua-dua agensi tersebut.

Jalinan kerjasama ini dilihat dapat meningkatkan dan mengukuhkan lagi kerjasama strategik dalam pelbagai bidang yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak serta negara. Antara bidang kerjasama yang dipersetujui ialah Jabatan Perangkaan akan membekalkan data mikro demografi dan sosioekonomi bagi tujuan kajian ilmiah dan penyelidikan warga UPM.

Dengan ini, kajian yang dilaksanakan akan menghasilkan dapatan baru yang relevan dari semasa ke semasa dan menyumbang kepada program transformasi negara.





Pelancaran BANCI EKONOMI 2016

Kuala Lumpur, 4 Mei 2016 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah melancarkan Banci Ekonomi 2016 untuk mendapatkan maklumat komprehensif berkaitan struktur dan aktiviti ekonomi di Malaysia. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Perangkawan Malaysia, Haji Ismail Haji Yusoff yang mewakili Ketua Perangkawan Malaysia di Dewan Perdana, Menara MITI.

Pengumpulan data di lapangan telah bermula pada April 2016 dan akan berakhir pada November tahun ini. Ia meliputi 700,000 responden di seluruh Malaysia yang terdiri daripada syarikat perniagaan dan usahawan berdaftar dalam sektor pertanian, perlombongan & pengkuarian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan (kecuali perdagangan edaran). Antara maklumat yang dikumpul dalam banci ini adalah aktiviti utama syarikat, pendapatan dan perbelanjaan syarikat, guna tenaga, gaji, nilai stok dan harta. Laporan daripada banci ini dijangka akan diterbitkan secara berperingkat mulai Jun 2017.

Banci ini dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) yang menghendaki syarikat perniagaan memberikan maklumat yang diperlukan kepada Jabatan Perangkaan. Maklumat syarikat yang dikumpul adalah dianggap SULIT dan tidak akan dihebahkan kepada sesiapa atau mana-mana institusi lain. Maklumat yang dikumpul melalui banci akan disebarluaskan kepada umum secara agregat.

Akta ini juga memperuntukkan denda ke atas syarikat yang tidak memberikan kerjasama menjayakan banci ini.

Majlis anjuran Jabatan Perangkaan Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dihadiri lebih 200 tetamu yang terdiri daripada pengurus-pengurus syarikat perniagaan, presiden persatuan dan agensi kerajaan di sekitar Lembah Klang.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan menyeru syarikat perniagaan supaya memberi kerjasama kepada Jabatan Perangkaan dalam menjayakan Banci Ekonomi 2016 demi kesejahteraan masa hadapan rakyat dan negara.



SESI INTERAKTIF BERSAMA RESPONDEN

Sesi interaktif yang dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sama ada oleh JP Negeri mahu pun ibu pejabat bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap fungsi dan peranan Jabatan. Di samping itu, program ini turut menjadi platform bagi Jabatan mengaspirasikan kepentingan maklumat statistik yang disumbangkan oleh komuniti perniagaan mahu pun masyarakat dalam pembangunan negara. Seminar ini juga berperanan dalam mengukuhkan hubungan kerjasama Jabatan dengan komuniti perniagaan serta masyarakat di samping mempromosikan penggunaan statistik dan seterusnya menjadikan komuniti celik statistik (*statistics literate*).

Pada tahun 2016, Jabatan melaksanakan dua projek besar iaitu Banci Ekonomi 2016 (BE 2016) dan Penyiasatan Pendapatan dan Kemudahan Asas serta Perbelanjaan Ibu Rumah 2016/2017 (HIES 2016/2017). Bersempena dengan projek berkenaan, JP Negeri telah mengadakan sesi interaktif bertemakan BE2016 dan HIES 2016/2017. JP Wilayah Persekutuan telah menganjurkan sesi interaktif pada 4 Mei 2016 bersama dengan Majlis Pelancaran BE 2016 di Menara MITI, Kuala Lumpur. Seterusnya, JP Kelantan menganjurkan sesi interaktif dengan tema yang sama iaitu BE 2016 pada 17 Mei 2016 dan diikuti oleh JP Selangor (19 Mei 2016), JP Sabah (23 Mei 2016), JP Pulau Pinang (31 Mei 2016) dan JP Kedah (1 & 2 Jun 2016). JP Perak pula telah melaksanakan sesi interaktif dengan tema HIES 2016/2017 dengan menjemput pemimpin masyarakat (Ketua Kampung, Ketua Komuniti, JKKK dan lain-lain) pada 17 Mei 2016 yang lalu. Sehingga kini, sesi berkenaan memberi impak yang positif kepada Jabatan khususnya dalam melaksanakan fungsi sebagai penjana statistik rasmi negara.



JP PERAK



JP SELANGOR



JP KEDAH



JP KELANTAN





KICK START YOUR DATA JOURNEY: BIG DATA ANALYTICS

Putrajaya, 23 Mei 2016 - Big Data merupakan satu ledakan informasi yang berkembang seiring dengan kecanggihan teknologi. Justeru itu, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sentiasa selari dengan perkembangan teknologi, satu program "Kick Start Your Data Journey: Big Data Analytics" telah diadakan pada 23 Mei 2016 di Hotel Pullman Putrajaya. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia. Sesi ini telah memberi pendedahan kepada warga DOSM mengenai teknologi Big Data serta peluang yang dapat digunakan dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan statistik DOSM.

Program ini merupakan kerjasama strategik di antara Telekom Malaysia (TM) Berhad dan DOSM serta melibatkan agensi utama iaitu SAS Malaysia, EB Desk, Cloudera dan Sturm Group. Seramai 70 pegawai DOSM daripada ibu pejabat dan JP Negeri telah menghadiri program ini.





PELANCARAN StatsDW

Putrajaya, 30 Jun 2016 - StatsDW Fasa 1 telah dilancarkan secara rasmi oleh YBrs. Dr. Mohd Uzir Mahidin selaku CIO Jabatan pada 30 Jun 2016. Sebanyak empat modul telah dilancarkan pada 30 Jun 2016 iaitu eDataBank, Data Visualisation & Time Series dan Location Intelligence yang boleh diakses melalui Portal Rasmi Jabatan. Menerusi modul-modul tersebut pengguna dapat meneroka dan menggunakan data yang tersedia secara bebas dan dinamik.

Statistics Data Warehouse (StatsDW) merupakan Enterprise Data Warehouse (EDW) Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Ia menyimpan data seawal 1974 dari pelbagai sumber dan penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia serta kompilasi data untuk petunjuk ekonomi. Menerusi StatsDW ini, akses kepada data menjadi lebih mudah, cepat dan meluas kepada pengguna mengikut keperluan dan tahap capaian yang dibenarkan.

Buat masa ini, StatsDW Fasa 1 hanya meliputi data tahunan sahaja. Data terkini masih perlu diakses melalui online services Jabatan. Pihak pentadbir StatsDW akan mengemaskini maklumat yang ada dan data terkini secara berperingkat. Sebarang komen atau cadangan boleh e-melkan kepada helpdesk.statsdw@stats.gov.my.



“Get a clearer insight of the data through presentations of graph and pictorial.”

BICARA EKSEKUTIF PPJPM

Putrajaya, 15 April 2016 – Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM) telah menganjurkan sesi Bicara Eksekutif bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Sesi kali ini telah membincangkan topic “Penyusunan Indikator Sustainable Development Goals (SDG) di Malaysia: Peranan dan Cabaran Perangkawan” yang telah disampaikan oleh Puan Riyanti Saari, Pengarah Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial.

Di dalam sesi ini, Puan Riyanti Saari telah menerangkan latar belakang SDG yang merupakan kesinambungan *Millenium Development Goals* (MDGs) yang telah berakhir pada 2015. SDG bermula dari tahun 2016 sehingga 2030 yang mengandungi 17 matlamat, 169 sasaran dan 241 indikator. SDG merupakan rentetan daripada Rio+20 yang memfokuskan kepada alam sekitar iaitu *climate change* dan *sustainable development*.

Beliau turut memaklumkan bahawa Malaysia yang diwakili Jabatan Perangkaan telah dilantik oleh United Nations Statistics Division (UNSD) sebagai ahli High Level Group (HLG) SDG bagi mewakili rantau Asia Pasifik mulai April 2015. Di peringkat nasional, lead agency SDG adalah Unit Perancang Ekonomi manakala Jabatan Perangkaan telah dilantik sebagai *focal point* bagi penyusunan SDGs.

Di kemuncak sesi tersebut, beliau telah menjelaskan peranan dan cabaran yang akan dihadapi oleh Perangkawan dalam membangunkan indikator SDG yang menjadi pemasu pembangunan mampan negara. Antaranya, Perangkawan memainkan peranan penting untuk mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi data kompleks dari pelbagai sumber, seterusnya mensintesis data tersebut kepada maklumat berguna yang akan menjadi input kepada perancangan dan pembuatan keputusan dalam pelbagai bidang. Oleh itu, setiap Perangkawan perlu menguasai ilmu dalam bidang statistik dan meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang berkaitan.



Sustainable Development Goals

	1 NO POVERTY	2 ZERO HUNGER	3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING	4 QUALITY EDUCATION	5 GENDER EQUALITY
	6 CLEAN WATER AND SANITATION		7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY		8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
	9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE		10 REDUCED INEQUALITIES		11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES
	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION		13 CLIMATE ACTION		14 LIFE BELOW WATER
	15 LIFE ON LAND		16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS		17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

SESI PERANGKAWAN bersama YB Dato' Sri Abdul Wahid Omar



Putrajaya, 21 Mac 2016 - Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM) telah menganjurkan Sesi Perangkawan Bersama YB Dato' Sri Abdul Wahid Omar (kini Tan Sri), Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Sesi yang julung-julung kalinya diadakan ini merupakan platform kepada para perangkawan di Jabatan Perangkaan Malaysia untuk berkomunikasi dengan YB Menteri secara terus. Di samping itu, interaksi ini memberi pengalaman dan pemahaman kepada Perangkawan berkaitan peranan DOSM dalam menangani isu yang melibatkan statistik, ekonomi dan sosial serta kaitannya dengan polisi negara.

Majlis ini telah dihadiri oleh Perangkawan yang bertugas di ibu pejabat dan JP Negeri berhampiran serta kader yang berkhidmat di kementerian sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur. Majlis ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Presiden PPJPM, YBrs. Dr. Mohd Uzir Mahidin, disusuli dengan deklamasi sajak berkisarkan peranan dan tanggungjawab Perangkawan yang disampaikan oleh Puan Syahida Adlina Abdul Hadi dari Bahagian Perangkaan Akaun Negara.



Di dalam majlis ini, YB Menteri telah menerangkan kedudukan semasa ekonomi negara dan persediaan kerajaan dalam menghadapi cabaran semasa yang sedang dihadapi oleh negara dan global. Beliau turut menyentuh peranan Malaysia sebagai sebahagian daripada ASEAN Economic Community dan penglibatan negara dalam Trans-Pacific Partnership Agreement. Beliau telah menyelusuri sejarah penglibatannya dalam dunia korporat sebagai pemimpin kepada tiga syarikat gergasi di Malaysia iaitu Telekom Malaysia Berhad, UEM dan Maybank, sebelum dilantik sebagai YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Di kemuncak bicara, YB Menteri telah berkongsi cara kepimpinan korporat, prinsip pengurusan yang berkesan serta sifat kepimpinan yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin. Antaranya, pemimpin yang baik mestilah:

- berwawasan, jelas, menarik dan mempunyai integriti yang tidak boleh dipersoalkan;
- melaksanakan *hands on* dan memberi panduan yang bersesuaian kepada anggotanya;
- bersikap profesional, jujur dan ikhlas terhadap rakan seangkatan dan anggota bawahan;
- tidak teragak-agak untuk mengatakan maaf dan mengakui kesilapan serta belajar daripada pengalaman tersebut; dan
- memberi tumpuan kepada tugas yang diberikan dan tidak bimbang tentang laluan kerjaya. "Your reputation will precede you"



Sesi perjumpaan ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan DOSM. Perkongsian pengetahuan dan pengalaman oleh YB Dato' Sri Abdul Wahid Omar merupakan sesuatu yang amat berharga dan pastinya memberi nilai tambah kepada DOSM serta dapat mencambah pemikiran para perangkawan.



STATISTICS TALK 2016

BERSAMA PELAJAR UNIVERSITI

Statistics Talk telah diadakan di tujuh Universiti tempatan sepanjang Mac hingga Jun 2016. Program ini merupakan sesi perkongsian maklumat dan idea statistik yang dianjurkan khas untuk pensyarah dan pelajar universiti yang mempunyai jalinan kerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia. Program ini bertujuan meningkatkan pemahaman dan pengetahuan pelajar universiti berkenaan fungsi, produk dan perkhidmatan Jabatan.



BIL	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	TAJUK PENGISIAN & PEMBENTANG
1.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	27 Mac 2016	Analisis Data
2.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	3 April 2016	Kepentingan Aplikasi Ilmu Statistik dalam Industri dan Kehidupan
3.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	22 April 2016	Input Output Analysis
4.	Malaysia University of Science and Technology (MUST)	26 April 2016	<i>The Role of Statistics in Government Policy Making</i>
5.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	27 April 2016	<i>Career Talk</i>
6.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	20 Mei 2016	<i>The Role and Challenges for Statistician in Current Economic Condition</i>
7.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1 Jun 2016	i) Simposium Sains dan Teknologi 2016 ii) Pembinaan Indeks: Metodologi dan Cabaran



Pocket Talk dan Pameran di SMIDEX 2016



PERSIJILAN EKSA

Putrajaya, 2-3 Jun 2016 – Pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah dijalankan oleh MAMPU di Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia dan Wisma Minlon. Keputusannya, Jabatan telah berjaya mendapat persijilan EKSA daripada MAMPU di bawah kategori CEMERLANG. Tahniah dan syabas kepada semua warga Jabatan yang telah bersama-sama menjayakan EKSA. Sahlaku persijilan ini adalah selama dua tahun bermula 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2018. Semua warga Jabatan digalakkan agar sentiasa mengamalkan dan membudayakan EKSA bagi memastikan kecermerlangan Jabatan dapat dikekalkan.



TAHNIAH!

KEPADА SELURUH WARGA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
ATAS KEJAYAAN PERSIJILAN EKSA - CEMERLANG

"Amalan EKSA Budaya Kerja JP"



Putrajaya, 3 Jun 2016 – Majlis sekalung budi YB Dato' Sri Abdul Wahid Omar (kini Tan Sri) telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Majlis ini diadakan bersempena tamatnya perkhidmatan beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 4 Jun 2016. Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 300 warga Jabatan dan dapat ditonton secara langsung oleh semua warga DOSM di seluruh negara melalui siaran *live streaming*.

Majlis ini bermula dengan tanyangan montaj yang mengimbau kembali memori manis YB Menteri selama tiga tahun bersama warga Jabatan Perangkaan. Sepanjang tempoh tersebut, YB Menteri telah bersama-sama dengan Jabatan Perangkaan dalam pelbagai majlis dan aktiviti. Dari majlis rasmi seperti perasmian Mesyuarat ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee ke-5 dan sidang media produk baharu, hingga kepada aktiviti sukan (iaitu StatsRun), dan tidak ketinggalan aktiviti kerohanian (seperti Majlis berbuka puasa dan Sambutan Hari Raya). Atas sokongan padu YB Menteri juga, Jabatan berjaya dalam pembidaan penganjuran World Statistics Congress kali ke-62 pada tahun 2019 di Kuala Lumpur.

Berucap dalam majlis tersebut, YB Menteri menitipkan pesanan untuk dihayati dan diamalkan oleh warga Jabatan.

"Kita semua merupakan pemimpin, tidak kira sama ada di peringkat Jabatan, Bahagian, Unit atau masyarakat. Sebagai pemimpin, kita perlu mempunyai tiga ciri-ciri berikut iaitu:

- integriti yang tidak boleh dipersoalkan (*unquestionably integrity*);
- kepintaran dan kebolehan yang hanya diperoleh melalui ilmu pengetahuan; dan
- sikap rendah diri dan *humanity* yang membolehkan kita mendapat kerjasama yang tinggi dan menjalankan kerja dengan baik."

Warga Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YB Dato' Sri Abdul Wahid Omar di atas sumbangan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada Jabatan untuk melaksanakan fungsi kami sebagai Penjana Statistik Rasmi Negara. Semoga perhubungan yang terjalin akan terus berkekalan sampai bila-bila. Selamat Maju Jaya kepada YBhg. Dato' Sri.

MAJLIS SEKALUNG BUDI YB SENATOR DATO SRI ABDUL WAHID OMAR BERSAMA WARGA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



MAJLIS SILATULRAHIM & PENGIMARAHAN RAMADHAN AL-KAREEM 2016/1437H

Pada 16 Jun 2016 (11 Ramadhan 1437H), Majlis Silaturahim & Pengimaran Ramadhan Al-Kareem 2016/1437H telah diadakan di perkarangan Blok C6 dan C7, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Majlis ini diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia dan isteri, YBhg. Datin Wan Aziron Ahmad, Timbalan-Timbalan Ketua Perangkawan, Pengarah-Pengarah Kanan, Bahagian dan Negeri serta 500 warga Jabatan serta ahli keluarga.

Majlis yang bermula jam 6.00 petang ini didahului dengan sesi penyampaian sumbangan untuk beberapa kategori penerima iaitu anak-anak yatim anggota Jabatan seramai 50 orang, Rumah Anak-Anak Baitul Hidayah seramai 18 orang dan 5 orang pelajar sekolah tahniz. Majlis tahun ini lebih istimewa kerana tetamu disajikan dengan persembahan Qosidah yang telah dialunkan oleh 5 orang pelajar tahniz dan dipimpin oleh Al Fadhil Ustaz Putra Tazreenudin bin Tajudin, Guru Tahniz Sekolah Agama Persekutuan Bentong, Pahang.

Pada kesempatan ini, pihak pengajur ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (mantan) di atas sumbangan yang telah dihulurkan. Kepada semua urusetia dari PERKISA, PUSPANITA & KSS, semoga terus istiqomah untuk menganjurkan majlis ikatan silaturahim seumpama ini pada masa akan datang. Insha Allah.



KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF KREATIF (KIK) PERINGKAT JABATAN TAHUN 2016

Putrajaya, 25-26 Mac 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) 2016 di Dewan Anggerik. Barisan panel juri telah memuktamadkan pemenang bagi Konvensyen tersebut adalah seperti berikut:

KATEGORI: TEKNIKAL	KATEGORI PENGURUSAN
<p>Johan: Kumpulan Q-Stats® Bahagian/Negeri: JP Negeri Sarawak Tajuk: Kesukaran Menyediakan Rangka Pertubuhan Perniagaan Baru Di Negeri Sarawak.</p> <p>Naib Johan: Kumpulan Titanium Bahagian/Negeri: Bahagian Petunjuk Ekonomi Tajuk: Kelewatan Proses Pengimbangan Jadual Input-Output.</p> <p>Tempat Ketiga: Kumpulan D'Bayu Stats Bahagian/Negeri: JP Negeri Sabah Tajuk: Metodologi Carian Maklumat Pertubuhan Ekonomi Yang Kurang Efisien Di Negeri Sabah.</p>	<p>Johan: Kumpulan V-Tech Bahagian/Negeri: Bahagian Pengurusan Maklumat Tajuk: Ketidakseragaman Penyampaian Latihan Penggunaan Aplikasi Di Jabatan Perangkaan.</p> <p>Naib Johan: Kumpulan Idea's Bahagian/Negeri: Bahagian Koordinasi Data Tajuk: Kelewatan Mengesan Penerbitan Jabatan Yang Dipinjam Di Bahagian Koordinasi Data.</p> <p>Tempat Ketiga: Kumpulan Citra Malela Bahagian/Negeri: JP Negeri Perak Tajuk: Kesukaran Rujukan Rekod Penilaian Prestasi Anggota PSH.</p>

Setiap pemenang menerima hadiah seperti berikut:

Johan : RM 3,000.00 dan Piala;
 Naib Johan : RM 2,000.00; dan
 Tempat ketiga : RM 1,000.00.

Selain itu, sijil penghargaan turut diberikan kepada empat kategori baru yang diperkenalkan iaitu:

Anugerah Pameran Terbaik: Kumpulan V-Tech, Bahagian Pengurusan Maklumat;
 Anugerah Persembahan Terbaik: Kumpulan Q-Stats®, JP Negeri Sarawak;
 Anugerah KIK Harapan Kategori Teknikal: Kumpulan Excel, Bahagian Perangkaan Akaun Negara; dan
 Anugerah KIK Harapan Kategori Pengurusan: Kumpulan Taming Sari, JP Negeri Melaka.



BizCode@Stats ke Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2015



Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (AIJPM) telah diperkenalkan mulai 2009 bagi mengiktiraf penghasilan inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi di JPM. Pengwujudan AIJPM ini membolehkan Kerajaan memberi pengiktirafan kepada inovasi yang dilakukan oleh Jabatan/Agensi di Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan itu, YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Inovasi dan Peningkatan Kualiti (JPPIP) telah bersetuju supaya projek BizCode@ Stats mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia di AIJPM.



Projek BizCode@Stats ini merupakan satu projek inovasi Jabatan kepada pengurusan aktiviti kod dan klasifikasi Statistik di Jabatan Perangkaan Malaysia. Pembentangan yang berlangsung selama 30 minit ini dimulai dengan ucapan pengenalan daripada YBrs Dr. Mohd Uzir Mahidin, Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial/Demografi dan diteruskan oleh Puan Siti Haslinda Mohd Din, Pengarah Bahagian Metodologi dan Penyelidikan.

Sebanyak 47 pasukan dari pelbagai agensi kerajaan terlibat dalam pembentangan AIJPM ini yang telah berlangsung sebanyak dua sesi iaitu sesi pertama pada 1-2 Jun 2016 dan sesi kedua pada 14-15 Jun 2016. Pengiktirafan pingat samada emas, perak atau gangsa bagi projek-projek yang telah dibentangkan akan diberi berdasarkan tahap pencapaian projek inovasi. Keputusan akan diumumkan semasa Hari Inovasi peringkat JPM yang bakal diadakan tidak lama lagi.

KUNJUNGAN HORMAT United Nations Children's Fund (UNICEF)

Putrajaya, 8 Mac 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada United Nations Children's Emergency Fund (UNICEF) Representative to Malaysia pada 8 Mac 2016 (selasa). Kunjungan ini diketuai oleh Ms. Marianne Clark-Hattingh, UNICEF Representative to Malaysia and Special Representative to Brunei Darussalam dan diiring oleh Ms. Pashmina Ali, Planning, Monitoring and Evaluation Specialist and Mr. Terence Too, Monitoring and Evaluation Officer. Tujuan kunjungan ini adalah untuk memperkuatkkan lagi kerjasama di antara DOSM dan UNICEF melalui perkongsian statistik berkaitan kanak-kanak dan wanita di Malaysia ke arah mempertingkatkan kehidupan dan kesejahteraan mereka.



RAM Holdings Berhad

Putrajaya, 29 April 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada RAM Holding Berhad. Perwakilan yang hadir adalah terdiri daripada YBhg Datuk Seri Dr. K Govindan dan Ms. Yap Siew Hong daripada Unit Perancang Ekonomi, manakala Ms. Foo Su Yin, Ms. Denise Thean dan Ms. Julie Ng dari RAM Holding Berhad. Semasa sesi pertemuan tersebut, topik utama yang telah dibincangkan adalah berkenaan kedudukan pelaburan swasta di Malaysia.



University of Singapore

Putrajaya, 22 Januari 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada Profesor Paul Cheung, yang merupakan seorang Profesor Polisi Sosial dan Analisis di Universiti Nasional Singapura. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk melihat perkembangan statistik di Malaysia dan juga mengetahui perancangan serta status gerak kerja Jabatan Perangkaan bagi menghadapi Banci Penduduk dan Perumahan 2020 yang akan datang.



World Bank Group



Putrajaya, 7 Mac 2016 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada pihak World Bank yang diketuai oleh Encik Faris Hadad-Zervos, World Bank Country Manager for Malaysia yang baharu dilantik. Dalam sesi pertemuan bersama Ketua Perangkawan Malaysia tersebut, pihak World Bank telah mengutarakan keperluan data bagi tujuan penyelidikan dalam bidang pembangunan utama negara. Pihak World Bank turut mengalu-alukan penyertaan Jabatan dalam seminar-seminar yang akan dianjurkan oleh Pejabat The World Bank Group di Kuala Lumpur, di samping akan memberi ruang kepada Jabatan untuk mengadakan perbincangan teknikal dengan pakar yang dilantik.

Pejabat The World Bank Group di Kuala Lumpur yang terletak di Sasana Kijang telah dilancarkan pada 28 Mac 2016 oleh YAB Perdana Menteri. Pejabat tersebut merupakan hab pengetahuan dan penyelidikan yang membawakan pakar-pakar di dalam pelbagai bidang dari Malaysia dan Bank Dunia untuk berkongsi pengalaman terutama dengan negara-negara membangun.





LAWATAN AKADEMIK

Putrajaya, Januari-Jun 2016 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima beberapa lawatan dari agensi dalam negara mahu pun luar negara. Lawatan seperti ini merupakan medium bagi memperkenalkan peranan Jabatan kepada orang ramai dan ia juga merupakan salah satu platform bagi mendidik literasi statistik dalam kalangan masyarakat umum selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020.

Program lawatan ini memberi peluang kepada agensi untuk mendapatkan maklumat berkenaan produk dan perkhidmatan yang disampaikan oleh Jabatan.

DALAM NEGARA

BIL	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	TUJUAN LAWATAN	BIL. PEGAWAI/PESERTA
1.	Management and science university (MSU)	22 April 2016	Mengetahui kedudukan ekonomi semasa dan statistik yang berkaitan.	56
2.	Jabatan Kesihatan Masyarakat	9 Mei 2016	Mengetahui peranan Jabatan Perangkaan Malaysia dalam perancangan dan penyelidikan unjuran pertumbuhan penduduk	22
3.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	12 Mei 2016	Mempelajari: i) Rangka Persampelan dan Pengumpulan Data ii) Pengumpulan Data Tenaga Buruh (Isi Rumah) dan Analisis iii) Data Ekonomi dan Analisis	53

LUAR NEGARA

BIL	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	TUJUAN LAWATAN	BIL. PEGAWAI/PESERTA
1.	General Statistics Office (GSO) of Viet nam	23 - 27 Mei 2016	Mempelajari Banci Ekonomi 2016, Daftar Perniagaan dan penggunaan data pentadbiran serta penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan seperti Pembinaan, Perlombongan dan Kuari, Pembuatan, Perkhidmatan dan Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (ITS) dan sebagainya.	6





LAWATAN KERJA KE THE STAR

Damansara, 16 Mac 2016 - Satu sesi lawatan kerja ke the Star anjuran Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM) telah diadakan dan diketuai oleh YBrs. Dr Mohd Uzir Mahidin, Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial/Demografi) selaku Presiden PPJPM. Lawatan tersebut telah disertai oleh 30 peserta yang terdiri daripada perangkawan daripada 14 Bahagian di Ibu Pejabat, JP Selangor, JP Wilayah Persekutuan dan wakil daripada Persatuan Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPPJPM) dan Kesatuan Pembantu Perangkaan (KEPP-STATS).



Kehadiran delegasi Jabatan telah disambut mesra oleh delegasi the Star yang diketuai oleh Encik Tommy Lee, General Manager (Group Editorial Business Development) dan pegawai kanan syarikat tersebut. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk menjalin kerjasama dua hala antara media dengan PPJPM terutamanya bagi meningkatkan literasi statistik dalam kalangan orang awam.



KEJOHANAN BADMINTON MAKSWIP (PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN) 2016

Pasukan Badminton Jabatan Perangkaan Malaysia telah muncul Naib Juara bagi Kejohanan Badminton Makswip (Peringkat Wilayah Persekutuan) 2016 yang telah diadakan pada 11–14 Februari 2016 di Stadium Badminton Cheras, Kuala Lumpur

KEPUTUSAN	PEMENANG
Johan	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL A)
Naib Johan	JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (STATS)
Ketiga	KWSP



KEJOHANAN PING PONG ANTARA BAHAGIAN 2016

Kejohanan Ping Pong antara Bahagian 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia telah dilaksanakan dengan jayanya pada 20 Februari 2016 di Dewan Serbaguna, Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya. Kejohanan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu VIP dan terbuka.

KEPUTUSAN	KATEGORI VIP	KATEGORI TERBUKA
Johan	Dr. Mohd Uzir bin Mahidin	MINLON
Naib Johan	En. Abang Saifulhadi bin Ibrahim	BKP TENERGY FX
Ketiga	En. Khairolnizam bin Hassan	THE 5TH LEGACY & SRIVER LINE 7



KEJOHANAN SEPAK TAKRAW ANTARA BAHAGIAN 2016

Kejohanan Sepak Takraw antara Bahagian 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia telah dilaksanakan dengan jayanya pada 23 April 2016 di Gelangan Sepak Takraw, Taman Pancarona Presint 18 Putrajaya.

KEPUTUSAN	PEMENANG
Johan	REGU BPPIB 'A'
Naib Johan	REGU MINLON 'A'
Ketiga	REGU BMP

